

KARANGAN 16 (NORMAL AKADEMIK)

Suatu kecurian berlaku di sebuah kedai telefon bimbit berjenama di pusat membeli belah yang berdekatan dengan rumah kamu. Kamu merupakan seorang saksi yang ternampak kejadian itu berlaku. Gambarkan kejadian itu dari mula hingga akhir.

BAHAGIAN PENGENALAN

Perenggan Tumpuan Cerita

Mata gadis remaja itu melirik melihat kelibat seorang pemuda yang dia kenal dari jauh. Sejak tadi tingkah laku pemuda itu kelihatan mencurigakan. Pemuda itu sering memerhatikan sekitarnya. Sepertinya dia ingin pastikan tiada sesiapa yang melihat gerak-gerinya di dalam kedai telefon bimbit berjenama itu. Dengan perlahan-lahan dia mula menghampiri kaunter jualan. Jurujual tiada di kaunter itu kerana sibuk melayan seorang pembekal yang membawa stok aksesori telefon bijak yang baru. Dia telah meninggalkan telefon bijaknya di atas kaunter kerana tergesa-gesa menuju ke arah pembekal yang datang secara tiba-tiba. Pemuda itu dengan cepat mengambil telefon bijak itu dan memasukkannya ke dalam saku seluarnya. Dia mula bergerak jauh dari kaunter tersebut sebelum melangkah keluar daripada kedai itu. Gadis remaja itu tergamam melihat apa yang telah berlaku. Tak sangka dia yang pemuda itu sanggup mencuri telefon bijak jurujual itu.

Perenggan Latar Cerita

Gadis remaja itu adalah aku. Pemuda yang mencuri telefon bijak itu adalah Nabil. Nabil adalah rakan sekolahku di sebuah politeknik setempat. Dia dikenali sebagai seorang yang ketagih telefon bijak baru. Dua tahun lepas dia sanggup beratur semalaman di luar kedai telefon bimbit untuk membeli edisi iPhone yang baru. Dia bangga dengan perbuatannya itu dan sering menunjuk-nunjukkan kepada teman-teman sekolah akan telefon barunya itu. Dengar berita dia tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli telefon bijak iPhone yang terkini. Sering juga dia datang ke kedai telefon bimbit berjenama di pusat membeli belah yang berdekatan dengan rumahku itu. Matlamatnya adalah untuk melihat-lihat telefon bijak terkini iPhone. Mungkin dalam kunjungannya itu dia sedar bahawa jurujual di kedai telefon bimbit berjenama itu memiliki telefon bijak yang dia idam-idamkan itu. Ternyata, peluangnya untuk mencuri telefon bijak jurujual hanya terbuka pada hari itu.